

IMPAK PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR MELALUI 'FILA TABLE' TERHADAP KEFAHAMAN PELAJAR MENGENAI USUL FIQH

Mohd Sham Kamis

kmsam@unimas.my

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

Pengarang koresponden

Muhd Syahazizamir Sahmat

smsyahazizamir@unimas.my

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

Maimun Aqsha Lubis

draqsha@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Yahya Bakeri

byahya@unimas.my

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

Muhammad Nazir Alias

nazir@ukm.edu.my

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Azhar Ali

amazhar@unimas.my

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan penggunaan pendekatan pengajaran 'Student Centred Learning' (SCL) dalam pembelajaran Usul Fiqh di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan kesannya terhadap kefahaman pelajar. Ia melibatkan konsep pedagogi yang menekankan proses pengajaran dan pendekatan yang meningkatkan pembelajaran pelajar, termasuk pembelajaran berasaskan masalah. Kajian ini menekankan keperluan pemahaman terhadap dalil yang disepakati dan tidak disepakati, serta kepentingan ijtihad kontemporari dalam pengajaran Usul Fiqh. Pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh memainkan peranan penting dalam memperoleh ketetapan hukum Islam. Penulisan artikel ini mendedahkan tentang indikator penilaian kefahaman pembelajaran Usul Fiqh melalui pengajaran SCL dan kesan pengajaran SCL terhadap kefahaman individu melalui penggunaan 'FILA Table'. Pendekatan kualitatif melalui temubual dengan pensyarah UNIMAS yang mengajar kursus Usul Fiqh, dan analisis bertema bagi temubual yang telah dijalankan terhadap 5 (lima) peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran Usul Fiqh dengan pendekatan SCL memberikan kesan positif terhadap kefahaman pelajar. Walaubagaimanapun, penilaian kefahaman pelajar perlu dipertimbangkan melalui rubrik penilaian yang sesuai. Oleh itu, dicadangkan institusi

pendidikan perlu mengambil langkah yang wajar untuk memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam bidang Usul Fiqh melalui pendekatan ini.

Katakunci: Pengajaran dan pembelajaran, Usul Fiqh, 'FILA Table', Pembelajaran berfokuskan pelajar, pedagogi

IMPACT OF STUDENT-CENTERED LEARNING APPROACH VIA 'FILA TABLE' ON STUDENTS' UNDERSTANDING OF USUL FIQH

ABSTRACT

This study discusses the use of the 'Student-Centred Learning' (SCL) related to teaching approach in learning Usul Fiqh at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) and its effect on student understanding. It involves pedagogical concepts that emphasize teaching processes and approaches that enhance student learning, including problem-based learning. This study emphasizes the need to understand the arguments that are agreed and disagreed, as well as the importance of contemporary ijtihad in the teaching of Usul Fiqh. The teaching and learning of Usul Fiqh plays an important role in obtaining the rulings of Islamic law. The writing of this article reveals the assessment indicators of understanding Usul Fiqh through SCL teaching and the effect of SCL teaching on individual understanding via the 'FILA Table'. A qualitative approach through interviews with UNIMAS lecturers who teach Usul Fiqh courses and thematic analysis was carried out in interviewing 5 (five) participants for the present study. The findings of the study show that the teaching of Usul Fiqh with the SCL approach has a positive effect on student understanding. However, the assessment of student understanding needs to be considered through an appropriate assessment rubric. Therefore, it is suggested that educational institutions need to take appropriate steps to ensure the effective implementation of teaching and learning in the field of Usul Fiqh through this approach.

Keywords: Teaching and learning, Usul Fiqh, FILA Table, Student Centred Learning, pedagogy

PENGENALAN

Pedagogi 'Student Centred Learning (SCL) seperti yang dinyatakan oleh Cannon & Newbie (2000) adalah pengajaran yang membawa erti tentang cara mengajar untuk menjana cara berfikir pelajar-pelajar dan pembelajaran yang menekankan tanggungjawab dan aktiviti mereka dalam pembelajaran berbanding apa yang guru lakukan. Pada asasnya SCL mempunyai tanggungjawab dan aktiviti pelajar di tengah-tengahnya, berbeza dengan penekanan yang kuat

terhadap kawalan guru dan liputan kandungan akademik dalam kebanyakan pengajaran didaktik konvensional.

Kajian ini mengkaji tentang keberkesanan pendekatan terhadap impak kefahaman Pelajar UNIMAS dalam pembelajaran Usul Fiqh. Manakala terma 'pedagogi' menurut Kapur (2020), mementingkan proses pengajaran. Dengan kata mudah yang lebih difahami ialah, semua pengajar di pelbagai peringkat pendidikan perlu memastikan mereka mempraktikkan kaedah pengajaran, bahan pengajaran dan strategi pengajaran dengan cara yang boleh menyumbangkan secara ketara dalam menggalakkan pembelajaran pelajar. Ianya merujuk kepada bentuk pengajaran yang biasa digunakan dalam sesuatu disiplin, seperti kerja makmal, kajian kes atau kajian berbentuk lapangan. Apabila pedagogi ini digabungkan dengan pengajaran 'Usul Fiqh' hakikatnya bererti merangkumi perihal 'mabadi asyrah'. Seperti yang dinyatakan dalam Irsyad Usul Al-Fiqh Siri 1 (2016) bahawa '*mabadi asyrah*' (prinsip sepuluh) menunjukkan kelaziman para ulama membicarakan berkenaan dengan mana-mana ilmu mereka dalam menyebutkan tentang mabadi' '*asyrah* (10 prinsip asas) Antara *nazham* (syair) yang paling masyhur berkenaan 10 prinsip ini disebutkan oleh Sheikh Abu al-Irfan Muhammad bin Ali al-Sobban (1206 H.) Rahimahullah yang mengandungi kesepuluh prinsip asas tersebut adalah seperti berikut:

1. Al-Hadd iaitu definisi sesuatu perkara atau bidang.
2. Al-Maudhu' iaitu tajuk sesuatu ilmu.
3. Al-Thamarah iaitu kesan dari ilmu atau bidang tersebut.
4. Nisbah iaitu sandaran ataupun hubungannya.
5. Al-Fadhl iaitu kelebihan mempelajarinya.
6. Al-Waadhi' yang merupakan pengasas ilmu atau bidang tersebut.
7. Al-Ism iaitu nama bagi ilmu atau bidang tersebut.
8. Al-Istimdad yang bererti sumber pengambilan ilmu tersebut.
9. Hukum Syaari' iaitu hukum mempelajari ilmu tersebut.
10. Masa'il iaitu isu-isu yang dibincangkan di dalam ilmu atau bidang itu

Oleh yang demikian, perkataan usul fiqh merupakan *murakkab idhafi* yang terdiri daripada dua kalimah iaitu *usul* dan juga *fiqh*. Kalimah *usul* merupakan kata jamak (banyak) bagi kalimah al-ashlu. Al-Ashlu membawa maksud: Apa-apa yang terbina ke atasnya selain daripadanya. Fiqh dari segi bahasa membawa maksud: Mempunyai ilmu terhadap sesuatu dan memahaminya. Akan tetapi penggunaannya di dalam al-Quran menunjukkan bahawa fiqh itu merupakan kefahaman yang mendalam. Al-Imam al-Baidhawi mendefinisikan fiqh dari sudut istilah dengan katanya: Ilmu berkenaan hukum-hakam syarak yang bersifat amali atau praktikal yang diambil dari dalil-dalil tafsili iaitu bersifat juz'i (al-Baidhawi, 2006).

Justeru, dalam menerapkan kefahaman terma usul fiqh ini, pedagogi adalah penting digunakan dalam pelbagai disiplin seperti pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan kajian kes (Centre for Academic Practice, Trinity Teaching & Learning, 2022). Disamping itu, artikel ini juga menjelaskan bagaimana pengajaran Usul Fiqh melalui pendekatan pengajaran SCL menggunakan 'FILA Chart' atau 'FILA Table' menarik perhatian

pelajar untuk belajar dan mengetahui; F-Facts (fakta), I-Ideas, L-Learning Outcomes (Hasil Pembelajaran), A-Action (tindakan). FILA table ini digunakan untuk menyelesaikan masalah yang diberi berdasarkan situasi. Fila Table adalah pendekatan sesuai untuk pelajar mengadaptasikannya dalam pembelajaran berdasarkan situasi sebenar kehidupan. FILA Table merupakan jalan penyelesaian masalah berkaitan dengan masalah yang ditimbulkan oleh pendidik dalam bilik darjah untuk setiap pelajar menyelesaikannya. Malah, didapati pelajar menggunakan kemahiran menyelesaikan masalah secara praktikal dengan berkesan (Seebut, 2016).

PERNYATAAN MASALAH

Keperluan memahami Usul Fiqh berada dalam situasi yang mendesak, kegagalan memenuhi keperluan ini boleh menyebabkan banyak hukum Islam dalam mengimplementasinya berdasarkan usul fiqh bagi generasi muda akan bertambah pudar kefahamannya (Mat Jubri, 2005; Syed Shamsuddin, Wan Razali, Aziz, & Mohamed, 2019). Oleh yang demikian, menurut Zakaria, Mahalle, Bakar, & Nawi (2015), isu pengajaran Usul Fiqh tidak boleh dipandang enteng lagi. Bahkan, bagi memenuhi keperluan kefahaman yang wajar terhadap kursus ini, semestinya pendidik perlu memikul tanggungjawab sewajarnya bagi menjamin kefahaman Usul Fiqh berjaya diberi penekanan dengan sempurna dalam kalangan pelajar.

Pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh adalah penting untuk mendapatkan ketetapan hukum Islam (hukm). Oleh itu, menurut Mat Jubri (2005), hasil yang diharapkan dari pengajian Usul Fiqh adalah untuk melahirkan individu yang mempelajari Usul Fiqh agar dapat menguasai apakah hakikat Usul Fiqh kerana kegagalan memahami Usul Fiqh mengakibatkan seseorang gagal memahami kemampuan bagaimana untuk memperolehi peraturan Islam melalui sumber perundangan primer dan sekunder dalam Usul Fiqh (Rahman, Ali, Ramli & Ismail, 2008). Begitu juga keperluan dalam mentakrifkan tentang *tanqih al-manath*, *takhij al-manat* dan *tahqiq manat*

SOROTAN KAJIAN

Pedagogi atau strategi pengajaran dan pembelajaran digunakan dalam pelbagai disiplin seperti pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan kajian kes (Centre For Academic Practice, Trinity Teaching & Learning, 2022). Pedagogi pembelajaran seperti ini juga dapat ditekankan kepada istilah pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) iaitu dengan menggunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran. Istilah ini pada hakikatnya, digabungkan dengan pembelajaran berpusatkan pelajar seperti pembelajaran fleksibel. Taylor (2000) mengatakan pembelajaran fleksibel adalah berasaskan pengalaman. Malah, Burnard (1999) juga berpendapat ianya juga berfokus kepada pembelajaran yang mementingkan kemajuan pelajar. Oleh yang demikian, istilah 'pembelajaran berpusatkan pelajar' ini lebih

cenderung membawa maksud yang berbeza kepada individu yang berbeza. Tetapi ianya dapat diimplementasikan dengan gabungan pendekatan yang dapat disesuaikan tanpa menyebabkan kekeliruan sewaktu pelaksanaannya (O'Neill & McMahon, 2005).

Untuk kefahaman yang lebih bermakna dalam memahami pendekatan ini, anjakan paradigma ini kelihatan wujud dari gabungan pengajaran yang difokuskan kepada penekanan yang berpusat bermula daripada tindakan guru kepada tindakan pelajar itu sendiri (Barr & Tagg, 1995). Format maklumat yang menumpukan guru bertindak dalam penyampaian, seperti syarahan, telah mula dikritik dan cara ini telah membuka jalan untuk pendekatan meluas, melalui 'pembelajaran berpusatkan pelajar' sebagai pendekatan alternatif. Oleh yang demikian, penggunaan istilah yang meluas, seperti yang dinyatakan oleh Lea et al. (2003) dan Edwards (2001) berpendapat bahawa salah satu kebaikan pembelajaran berpusatkan pelajar menguntungkan ramai pihak terutama fokusnya terhadap input pelajar yang berfokuskan kepada pengetahuan yang dipelajari melalui implemantasi dan pembelajarkan berfokuskan pelajar. Artikel ini mendedahkan pendekatan pengajaran SCL ini melalui beberapa perspektif yang tertumpu tentang objektif kajian mengenai perihal berikut:

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenal pasti indikator penilaian pelajar dalam kefahaman pembelajaran berpusatkan pelajar terhadap Usul Fiqh melalui 'FILA Table'.
2. Menentukan kesan kefahaman individu dalam mempelajari Usul Fiqh melalui pembelajaran 'FILA Table'

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual 2 (dua) individu pensyarah yang mengajar kursus Usul Fiqh di UNIMAS bagi menjawab soalan bagi objektif 1 dan temubual kepada 5 (lima) orang pelajar sebagai peserta kajian. Pengkaji juga telah menggunakan protokol temubual dalam objektif kajian 1 dan 2. Protokol temubual adalah teknik yang memudahkan pendokumentasian penceritaan naratif peserta kajian melalui pengalaman mereka sebagai tindak balas kepada soalan temubual. Pendekatan temubual ini termasuklah perkongsian atau pendapat, dimana protokol temu bual dibangunkan berdasarkan penerokaan objektif atau persoalan kajian (Babchuk, 2017). Teknik ini boleh digunakan semasa mengumpul data kualitatif dalam menemubual seorang demi seorang (Hunter, 2012).

DAPATAN PERSOALAN KAJIAN 1

Fokus Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia semasa (2013–2025) adalah pada SCL (Borhan, Saleh, Li & Ong, 2020). Pelan tindakan boleh menjadi bahan rujukan yang baik. SCL ialah istilah umum yang boleh merujuk kepada pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai definisi potensi pembelajaran berpusatkan pelajar boleh dikenal pasti dalam literatur. Ini kerana pengkaji dan pengamal mentakrifkan ia membentuk dimensi berbeza dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi tujuan kajian ini, pembelajaran berpusatkan pelajar daripada Cannon dan Newbie (2000) menegaskan bahawa penyediaan bagi pelajar dalam bentuk penyelesaian asas yang baik lebih-lebih lagi menghamipri dengan permasalahan sebenar kehidupan. Cannon dan Newbie (2000) mentakrifkan SCL sebagai, cara berfikir dan pembelajaran yang berfokuskan kepada tanggungjawab dan aktiviti pelajar dalam pembelajaran berbanding apa yang guru lakukan. Situasi ini menjana situasi pelajar menghampiri dunia nyata. Malah, apabila mereka mempelajari melalui SCL, mereka mempunyai tanggungjawab dan aktiviti di tengah-tengah dunia realiti kehidupan untuk menyelesaikan masalah. Berbeza dengan penekanan yang kuat terhadap kawalan pendidik dan liputan kandungan akademik dalam kebanyakan pengajaran secara didaktik konvensional kerana fokus kepada dunia realiti dalam penyelesaian masalah ketika menghadapi suasana dalam masyarakat atau bekerja dalam bercampur dengan komuniti begitu mencabar.

Dalam SCL, menurut Hafid (2017), tugas pentaksiran merupakan bahagian penting dalam pembelajaran dan pengajaran di institusi pendidikan termasuk institusi yang berbentuk Pendidikan Islam. Oleh itu, penilaian tentunya menjamin bagi menambah baik ke arah pembelajaran dan pengajaran yang lebih unggul. Justeru, pentaksiran formatif berguna dan bermanfaat kepada institusi pendidikan tinggi Islam, kerana ia akan lebih menggalakkan pembelajaran berbanding pentaksiran sumatif. Walau bagaimanapun, penilaian seperti ini kelihatan lebih sukar untuk menjadi sah dan boleh dipercayai dalam penggredan. Oleh itu, mencipta rubrik boleh menjadi penyelesaian untuk mengelakkan masalah sedemikian.

Lantaran itu, situasi sebenar dalam pengajaran pelajar bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS melalui tindakan pensyarah dengan memberikan tugas pentaksiran begitu bermakna dalam menerbitkan situasi sebenar yang mencabar untuk diterokai pelajar. Sememangnya, situasi inilah yang diperlukan untuk menerbitkan sesuatu yang *wakiq* dalam menguji minda pelajar dalam menyelesaikan isu masyarakat. Dalam menjawab persoalan 1, protokol temubual dijalankan oleh pengkaji terhadap pensyarah. Ternyata, pensyarah mengakui pengajaran pelajar berkaitan Usul Fiqh menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar bersama gabungan 'FILA Table' untuk mengajar pelajar amatlah memberangsangkan. Buktinya, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa pensyarah mengakui suatu indikator yang berbentuk penilaian seperti rubrik amat perlu dalam penilaian pelajar ketika pembelajaran sebegini seperti yang dipaparkan Jadual 1:

Jadual 1: Rubrik Penilaian Dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dalam Pentaksiran SCL

PENETAPAN PENILAIAN	TAHAP RUBRIK PENILAIAN
<p>Penilaian 1: Pensyarah A</p> <p>Kaedah penetapan pelajar ketika memberi arahan tugas yang ditetapkan:</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih kriteria tugas • Menetapkan beberapa spesifikasi tugas • Menentukan beberapa bahagian penilaian kompetensi bagi menyelesaikan tugas • Menetapkan kriteria penilaian penentuan kefahaman hukum
<p>Penilaian 2: Pensyarah A dan Pensyarah B</p> <p>Penilaian pelajar setelah tugas setelah pelajar selesai menyempurnakan tugas</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat ulasan penilaian sendiri • Meneliti maklum balas melalui penilaian rakan sebaya • Mencadangkan gred/markah penilaian diri • Memastikan gred/markah penilaian diri yang bersesuaian bagi individu pelajar • Memberikan gred/markah penilaian sendiri yang layak untuk individu pelajar

	<ul style="list-style-type: none">• Memberikan sedikit ruang gred/markah penilaian melalui rakan sebaya• Maklum balas pelajar terhadap pembelajaran mereka
--	---

Berdasarkan Jadual 1, ketika penetapan tugas ketika memberi kepada pelajar, pensyarah perlu mempertimbangkan pencapaian penilaian berdasarkan kemajuan berpusatkan pelajar. Pensyarah A mengakui bahawa memilih kriteria tugas, menetapkan beberapa spesifikasi tugas, menentukan beberapa bahagian penilaian kompetensi dan menetapkan kriteria penilaian penentuan kefahaman hukum melalui indikator penilaian pelajar berdasarkan kefahaman pembelajaran Usul Fiqh melalui SCL.

Manakala Pensyarah A dan B mengakui bahawa setelah selesai menyiapkan tugas, pensyarah perlu membuat ulasan penilaian sendiri pelajar, meneliti maklum balas melalui penilaian rakan sebaya, mencadangkan gred/markah penilaian diri, memastikan gred/markah penilaian diri yang bersesuaian bagi individu pelajar, memberikan gred/markah penilaian sendiri yang layak untuk individu pelajar, memberikan sedikit ruang gred/markah penilaian melalui rakan sebaya dan memberi maklum balas pelajar terhadap pembelajaran mereka. Contoh perubahan di atas berkemungkinan dipandang enteng tetapi langkah di atas adalah dalam mengerakkan titik permulaan yang boleh dilaksanakan melalui pemantauan dan penyeliaan ketika pensyarah mengajar pelajar – pelajar memahami Usul Fiqh.


DAPATAN PERSOALAN KAJIAN 2

Bagi menjawab persoalan kajian kedua, pengkaji mendapati pensyarah menggunakan sumber pengajaran dari Portal JAKIM dan Mufti Persekutuan dalam pengajaran Usul Fiqh melalui pendekatan SCL dan gabungan FILA Table. Pengkaji menjejaki sumber tersebut dan membuat translasi dengan mendapati dapatan tersebut sememangnya wujud di e-sumber JAKIM, seperti; Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal. (2006), Al-Kafi #456 : Hukum makan ikan keli dan ikan patin yang diberi makan daging khinzir dan sumber- sumber lain. Impak dari pembelajaran Usul Fiqh dan gabungan ‘FILA Table’ ini, ada 4 (empat) elemen yang didapati wujud dalam dalam kefahaman pelajar melalui pembelajaran ‘FILA Table’ seperti berikut:

Jadual 2: Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Menggunakan ‘FILA Table’

FACTS	IDEAS	LEARNING ISSUES	ACTION PLAN
1. Mengetahui punca pencemaran najis babi di sungai	Bagaimanakah punca pencemaran najis babi di sungai berlaku?	Pendekatan 5W1H	Mencari melalui sesawang
2. Mempelajari jenis najis dalam fiqh	Apakah jenis pembahagian najis dalam fiqh?		Meneroka perpustakaan online ‘maktabah syamilah’
3. Menentukan cara istinbat hukum sekiranya najis babi diberi kepada ikan ternakan secara sengaja.	Apakah hukum yang dapat diistinbatkan sekiranya najis babi diberi kepada ikan ternakan secara sengaja?		Membentang cara istinbat hukum melalui dapatan dan rujukan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan

Berdasarkan Jadual 2, pembelajaran Usul Fiqh melalui FILA Table (Jadual FILA; F-Facts (Fakta), I-Ideas (Idea & Buah Fikiran), L-Learning Outcomes (Hasil Pembelajaran), A-Action (Tindakan)). Dalam menjawab objektif 2, pengkaji telah menemubual 5 (lima) pelajar sebagai peserta kajian seperti digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kesan ‘FILA Table’ Terhadap Kefahaman 5 (Lima) Peserta Kajian Dalam Mempelajari Usul Fiqh

Berdasarkan Rajah 1 di atas, 5 (lima) peserta kajian telah ditemubual, pengkaji mendapati analisa bertema dari *verbal transcript* yang telah dilakukan terhadap Peserta Kajian 1 seperti kesan SCL melalui pengajaran dan pembelajaran menggunakan persoalan 'FILA Table' telah membawa Peserta 1 kepada penyelesaian masalah berdasarkan situasi sebenar. Situasi ini jelas membuktikan penyelesaian hukum yang agak kritikal berpunca dari najis *mugallazah*. Berdasarkan pendapat Peserta Kajian 1, pendekatan menggunakan 'FILA Table' memudahkan penyelesaian pemikiran dengan menguji daya analitikal pemikiran seseorang. Pendekatan seperti ini amat berguna kerana mampu menarik minat seseorang untuk mempelajari perkara yang pelajar tidak meminatinya atau sebaliknya dengan cara pendekatan berpusatkan kepada pelajar dengan cara yang menyeronokkan berdasarkan kepada Jadual FILA yang menunjukkan kepada keperluan individu dan komuniti dalam skop *maqasid syariah* yang menepati keperluan manusia sejagat bermula dari sudut luaran iaitu menjaga kebersihan dari pencemaran kekotoran dan najis sehinggalah kepada keperluan manusia terhadap pemakanan haiwan ternakan akuatik yang perlu ditekankan kerana melibatkan kebersihan dalaman apabila manusia memakan haiwan ternakan akuatik tersebut.

Seterusnya, bagi Peserta Kajian 2, 3 dan 4, pengkaji mendapati kesan SCL melalui pengajaran dan pembelajaran menggunakan persoalan 'FILA Table' telah menerapkan semua peserta kajian yang dinyatakan dengan sifat berdikari. Ini jelas terbukti apabila kesemua peserta berikut menyatakan bahawa cara pembelajaran ini melatih sifat untuk berdikari tanpa perlu mengharapkan bantuan pensyarah. Tambahan lagi, cara sebegini membentuk seseorang pelajar dalam kumpulan mampu bergerak dengan bebas mencari sumber yang pelbagai melalui internet, kitab, dan sebagainya bagi merujuk hukum. Dalam masa yang sama, dari temubual ini pengkaji mendapati Peserta Kajian 2, 3 dan 4 dapat mengetahui penentuan sumber hukum berkaitan pencemaran najis babi di sungai. Kaedah yang digunakan ialah melalui laman sesawang dengan pendekatan 5W1H. Mempelajari jenis najis dalam ilmu fiqh dengan cara meneroka perpustakaan secara atas talian, iaitu Maktabah Syamilah dan dalam masa yang sama boleh belajar sesuatu yang baharu dalam cara kelola istinbat hukum melalui kaedah membentang istinbat hukum dengan dapatan dan rujukan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Dengan cara ini pembelajaran dan pengajaran akan lebih mudah afisyen dan efektif kepada semua pelajar untuk difahami.

Bagi giliran Peserta Kajian 5, pengkaji mendapati pengakuan dari Peserta Kajian 5 menunjukkan penggunaan 'FILA Table' dalam pembelajaran dapat merangsang seseorang bekerjasama dalam satu kumpulan bagi menyelesaikan tugas dengan mudah. Peserta Kajian 5 juga mengakui bahawa cara sebegini memudahkan dirinya untuk dapat memahami isi kandungan pembelajaran dengan dengan lebih mudah. Pada hakikatnya, situasi ini menyokong pelajar sepertinya untuk meneroka kandungan pembelajaran secara berkumpulan. Sungguhpun demikian menurut Peserta kajian 5, wujud sebahagian individu yang berkemungkinan terkebelakang dalam memahami isi kandungan pembelajaran. Walaupun sedemikian, individu tersebut akan mampu meneroka paparan kandungan pembelajaran tanpa perlu untuk pensyarah mengulangi dari langkah awal. Situasi pembelajaran berfokuskan pelajar ini begitu menyokong keadaan pelajar untuk memahami dengan cara yang begitu memberangsangkan dengan pelbagai teknik pembelajaran melalui pemusatan pelajar. Malah, apabila penyampaian isi kandungan pembelajaran ditugaskan kepada pelajar berkumpulan dalam bentuk '*Problem*

Solving’ iaitu penyelesaian masalah. Situasi seperti ini membuatkan kumpulan pelajar tersebut akan berebut-rebut untuk menentukan kumpulan masing- masing adalah juara dalam memahami dan menyelesaikan permasalahan kritikal tersebut. Impaknya, sudah tentu kembali kepada setiap kumpulan pelajar dalam memahami sesuatu topik dengan jayanya.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Ilmu Usul al-Fiqh ini adalah salah satu cabang ilmu yang signifikan dalam menyelesaikan masalah hukum yang timbul. Kajian ini menggabungkan dua gabungan ilmu, yang pertama; gabungan ilmu pengajian Islam iaitu, Usul Fiqh dan yang kedua; pendekatan pengajaran pengetahuan pendidikan Islam melalui ‘FILA Table’. Jelas di sini dapat diutarakan oleh pengkaji dalam membicarakan dapatan kajian ini seperti berikut:

- a) Dapatan kajian 1 menunjukkan bahawa penggunaan indikator penilaian pelajar yang berbentuk pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kefahaman pembelajaran Usul Fiqh amat signifikan. Situasi ini dapat dijelaskan dengan bukti pengkaji melalui dapatan kajian 1 iaitu pensyarah yang mengajar Usul Fiqh menggunakan rubrik penilaian dalam pentaksiran bagi penentuan indikator kefahaman pelajar. Cara ini mudah ditentukan kerana setiap rubrik ada indikator yang telah ditetapkan.
- b) Dapatan kajian 2 membuktikan bahawa kesan kefahaman ‘FILA Table’ terhadap kefahaman individu dalam mempelajari Usul Fiqh mampu membuatkan peserta kajian berdikari sendiri tanpa memerlukan pensyarah. Pendapat ini diakui oleh Peserta kajian 2, 3 dan 4 bahawa mereka dapat berdikari dan dapat mencari penyelesaian hukum dengan meneroka carian daripada pelbagai sumber. Manakala, Peserta Kajian 1 menjelaskan bahawa kesan mempelajari melalui ‘FILA Table’ dapat membuatkan beliau merasakan seolah- olah dalam situasi sebenar dalam menghadapi najis berat. Selebihnya, iaitu Peserta kajian 5 berpendapat pendekatan ‘FILA Table’ menggalakkan satu jalinan kerjasama sesama ahli kumpulan.

Pada dasarnya, implikasi kajian ini dapat menerangi paradigma pendidikan transformatif dimana pelajar adalah peserta aktif, pendidik adalah fasilitator, dan pembelajaran merentasi ruang bilik darjah. Dengan menerima pembelajaran berpusatkan pelajar ditambah dengan alat pengajaran yang inovatif seperti ‘FILA Table’ atau Jadual FILA, para pendidik boleh memupuk generasi pemikir analitikal terhadap hukum, penyelesai masalah berdasarkan keperluan syarak dan pembuat keputusan beretika yang berakar umbi dalam prinsip Usul Fiqh. Pendekatan pendidikan holistik ini bukan sahaja meningkatkan hasil akademik tetapi juga memupuk individu yang bersedia untuk menyumbang secara bermakna kepada masyarakat, menjelmakan intipati sebenar pendidikan Islam dalam dunia kontemporari. Pembelajaran berpusatkan pelajar ini amat signifikan dilihat sebagai output yang positif. Buktinya, pendekatan ini menekankan nilai pembelajaran berpusatkan pelajar dengan menempatkan pelajar di tengah-tengah proses realiti pembelajaran sebenar dan memenuhi keperluan mereka dalam berdikari untuk meneroka

hukum dari pelbagai sumber, dibawa ke langkah progresif di mana pendekatan berpusatkan pelajar begitu bermakna menyokong secara bekerjasama dalam kumpulan. Seterusnya, mencapai cara pembelajaran yang mudah tanpa kekangan melalui perkara yang relevan dengan cara yang sesuai bertepatan dengan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memberi gambaran jelas tentang penerangan yang menjuruskan kepada penggunaan strategik rubrik penilaian, memastikan keadilan, ketelusan, dan ketepatan dalam menilai prestasi pelajar. Rubrik bukan sahaja memudahkan penggredan yang konsisten tetapi juga menggalakkan penilaian sendiri pelajar dan juga penilaian rakan sebaya, memupuk budaya peningkatan berterusan dan pembelajaran kolaboratif. Selain itu, kajian ini juga meneroka integrasi senario kehidupan sebenar yang sah dalam pendidikan Usul Fiqh, memperkasakan pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan teori kepada situasi praktikal. Pendekatan ini mampu merapatkan jurang antara akademik dan realiti, melengkapkan kefahaman pelajar dengan kemahiran dan keyakinan untuk mengharungi cabaran masyarakat yang kompleks berdasarkan prinsip Islam. Tambahan pula, kajian ini mempamerkan sinergi antara sumber Islam tradisional dan platform digital moden, dicontohi oleh penggabungan sumber dalam talian daripada institusi ternama seperti JAKIM dan Mufti Persekutuan. Penyepaduan ini bukan sahaja memperkayakan kurikulum tetapi juga menggalakkan penyelidikan bebas, memupuk semangat inkuiri dan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- al-Baydawi, al-Qadi ‘Abdullah bin ‘Umar. (2006). *Minhaj al-Wusul ila ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah Nasyirun
- Babchuk, W. A. (2017). *Book Review: Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.), by S. B. Merriam and E. J. Tisdell. *Adult Education Quarterly*, 67(1), 71–73. <https://doi.org/10.1177/0741713616671930>
- Barr, R. B. and J. Tagg (1995, Nov/Dec). *From teaching to learning – A new paradigm for under-graduate education*. *Change*, 13–25.
- Borhan, M. T. Saleh, S. Li, A.& Ong, E., (2020). *Readiness in Implementing Student-centred Learning (SCL): An Insight to Developing a Problem-based Learning (PBL) Module*. *Universal Journal of Educational Research*. 8. 119-126. [10.13189/ujer.2020.080114](https://doi.org/10.13189/ujer.2020.080114).
- Burnard, P. (1999) *Carl Rogers and Postmodernism: Challenged in Nursing and Health Sciences*. *Nursing and Health Sciences*, 1, 241-247. <http://dx.doi.org/10.1046/j.1442-2018.1999.00031.x>

- Cannon, R. & Newble, D. (2000). *A Guide to Improving Teaching Methods: a handbook for teachers in university and colleges* (London, Kogan Page).
- Centre For Academic Practice, Trinity Teaching & Learning. (2022). *Signature Pedagogies*. https://www.tcd.ie/academicpractice/teaching-learning/programme_and_module_design/signature_pedagogies/
- Edwards, R. (2001). *Meeting individual learner needs: power, subject, subjection*. In C. Paechter, M. Preedy, D. Scott, and J. Soler (Eds.), *Knowledge, Power and Learning*. London: SAGE.
- Hunter, M.. (2012). *Creating Qualitative Interview Protocols*. *International Journal of sociotechnology and Knowledge Development*. 4. 1-16. 10.4018/jskd.2012070101.
- Irsyad Usul Al-Fiqh Siri 1: Usul Al-Fiqh: Definisi, Perkembangan Dan Kepentingannya.(2016). https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/1528-irsyad-usul-al-fiqh-siri-1-usul-al-fiqh-definisi-perkembangan-dan-kepentingannya#_ftn1
- Kapur, R. (2020). *Understanding the Meaning and Significance of Pedagogy*.
- Lea, S. J., D. Stephenson, & J. Troy (2003). *Higher Education Students' Attitudes to Student Centred Learning: Beyond 'educational bulimia'*. *Studies in Higher Education* 28(3), 321–334
- Mat Jubri S, M. (2005). *Kepentingan Penguasaan Usul Fiqh: Satu Analisis Umum*.
- Muhammad Ali Shoban. (1206H). *Hasyiyah Shobban Syarah Asyuni 4 Jilid - Hasyiah Sobban*. DKI (Darul Kutub Ilmiah
- O'Neill G., & McMahon T. (2005), *Student-centered learning: What does it mean for students and lecturers?* University College Dublin
- Rahman, N, Ali, A & Ramli, R., & Ismail, M. (2008). *The Teaching and Learning of Usul Al Fiqh In Public Universities In Malaysia: Reality And Challenges*. https://www.researchgate.net/publication/242488607_THE_TEACHING_AND_LEARNING_OF_USUL_AL_FIQH_IN_PUBLIC_UNIVERSITIES_IN_MALAYSIA_REALITY_AND_CHALLENGES
- Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal. (2006). JAKIM. E Sumber Maklumat Fatwa. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15296>
- Seebut, P.S. (2016). *Using PBL with FILA Chart to Design Learning Activities on Fundamental Principle of Counting to Support Problem-Solving Skills*.
- Syed Shamsuddin, S., S. & Wan Razali, W., M., F., A. & Aziz, M. & Mohamed, M. (2019). *Integrasi Ilmu Usul Fiqh, Usuluddin Dan Mantik Dalam Karya Akidah Jawi Untuk Memahami Nas-nas Mutasyabihat: Tinjauan Terhadap Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah Oleh Tuan Guru Haji Abdul Qadir Bin Wangah*. *Sains Insani*. Vol 4. 1-16. 10.33102/jsi2019.4.2.01.
- Zakaria, G., & Mahalle, S. & Bakar, Z. & Nawi, A. (2015). *Collaborative Learning in the teaching of Usul Fiqh (Islamic Jurisprudence) at the Pre-University Level in Brunei Darussalam*. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 6. 10.5901/mjss.2015.v6n3s1p158